

PENGUMUMAN PENTING : PERATURAN PEMBAYARAN YURAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN TARIKH-TARIKH AKHIR PEMBAYARAN YURAN

Assalamualaikum wrt wbt dan Salam Sejahtera

Kepada semua pelajar prasiswazah

Adalah dimaklumkan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) kali ke 106 bil 4/2017 bertarikh 31/7/2017 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) kali ke 33 bil 3/2017 bertarikh 14/8/2017 telah memutuskan dan menguatkuasakan bahawa bermula Semester 1 2017/2018 pelajar yang gagal menjelaskan yuran semester semasa (current semester) dan hutang tertunggak akan dikenakan tindakan sekatan seperti berikut :-

1. Disekat dari pendaftaran
2. Disekat dari menduduki peperiksaan
3. Keputusan peperiksaan dan transkrip peperiksaan ditahan
4. Disekat dari menghadiri konvokesyen

2. Sehubungan itu semua pelajar kanan dikehendaki untuk menyelesaikan semua yuran semester semasa (Semester 1 2017/2018) sebelum cuti pertengahan semester iaitu sebelum **14/10/2017**. Berikut adalah tarikh-tarikh penting yang perlu dipatuhi oleh para pelajar bagi mengelakkan tindakan sekatan dikenakan :-

JADUAL 1

BIL	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1	Bayaran yuran Semester 1 2017/2018	Sebelum 14/10/2017	
2	Cuti pertengahan semester	14/10/2017 – 22/10/2017	1 minggu
3	<u>AMARAN PERTAMA</u> Proses SEKATAN (BARRING) pelajar yang masih berhutang	30/10/2017	Seminggu selepas cuti pertengahan semester
4	<u>AMARAN AKHIR</u> Tempoh akhir untuk jelaskan hutang bagi membolehkan pelajar menduduki peperiksaan	(i) <u>23/11/2017</u> (bagi bayaran secara ONLINE - ATM, epos, FPX, M2U) (ii) <u>24/11/2017</u> (bagi bayaran di KAUNTER KEWANGAN secara kad debit/kad kredit)	i. Khamis akhir minggu ke 11 bagi bayaran secara online ATM, epos, FPX, M2U) ii. Jumaat akhir minggu ke 11 bagi bayaran di kaunter kewangan secara kad debit / kad kredit

3. **Pelajar yang masih GAGAL menjelaskan yuran sehingga PUKUL 5 PETANG HARI JUMAAT MINGGU KE 11 PERKULIAHAN IAITU PADA 24/11/2017 tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan Semester 1 2017/2018.**

4. Para pelajar perlu mematuhi Jadual 1 perkara 4 di atas iaitu tarikh akhir 23/11/17 adalah bayaran secara online dan 24/11/17 untuk bayaran di Kaunter Kewangan sahaja bagi memastikan rekod bayaran dan hutang pelajar dikemaskini dan terkini di dalam sistem. Pelajar tidak akan dapat mencetak slip peperiksaan sekiranya masih berhutang.

5. Oleh itu, pelajar dinasihatkan untuk merancang kewangan dengan sebaiknya. Bayaran secara ansuran boleh dibuat dengan bayaran terakhir mestilah tidak lewat dari tarikh yang dinyatakan di Jadual 1 perkara 4 di atas.

Kerjasama dari semua pelajar adalah amat dihargai. Sekian terima kasih.

Bahagian Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
Universiti Malaysia Pahang
4 September 2017

b/p Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan